

Rabu, 19 Februari 2020 | 5:53pm



Peniaga menaikkan harga semua jenis topeng muka boleh dikenakan tindakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000. - Foto hiasan

Jual topeng muka melebihi harga kawalan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

KUCHING: Sebuah farmasi di sini menjual topeng muka melebihi harga kawalan membawa padah apabila dikesan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), semalam.

Farmasi berkenaan dikesan menjual topeng muka jenis N95 pada harga RM7 berbanding harga kawalan yang ditetapkan RM6.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Sarawak, Mohd Hanizam Kechek, berkata pihaknya membuat pemeriksaan mengejut di farmasi berkenaan pada jam 3.50 petang semalam, selepas mendapat aduan daripada orang awam.

"Hasil pemeriksaan itu mendapati, farmasi berkenaan menjual topeng muka jenis N95 itu lebih mahal RM1 berbanding harga yang ditetapkan.

"Berikutnya, tindakan diambil mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 iaitu menjual atau menawarkan untuk menjual barang harga terkawal selain harga mengikut harga

maksimum runcit yang ditetapkan dan farmasi berkenaan dikenakan denda RM10,000," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohd Hanizam berkata, peniaga menaikkan harga semua jenis topeng muka boleh dikenakan tindakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Syarikat yang sabit kesalahan pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

"Kementerian tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas jika peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah ketika situasi orang ramai memakainya sebagai langkah keselamatan dan pencegahan dari wabak COVID-19 di negara ini," katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai yang mengesan peniaga yang menjual topeng muka melebihi harga kawalan supaya menyalurkan aduan kepada Bilik Gerakan KPDNHEP Sarawak di Kuching (082 466012), Sri Aman (082-323836), Sarikei (084-657751), Sibu (084-335622), Kapit (084-799678), Mukah (085-412862), Bintulu (086-332176), Miri (085-412862) dan Limbang serta Lawas (085-217414).

